



**KENYATAAN / SIARAN AKHBAR**  
Untuk maklumat lanjut sila hubungi:  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Perbadanan Putrajaya**  
**Tel: 03-88877033 Faks: 03-88811008**

## **PPJ TERIMA PENGIKTIRAFAN MALAYSIA BOOK OF RECORD (MBOR) KARNIVAL EKUIN TERBESAR**

**PUTRAJAYA, 21 DISEMBER 2019** – Perbadanan Putrajaya (PPj) menerima pengiktirafan Malaysia Book of Records (MBOR) di atas pencapaian penganjuran karnival ekuin terbesar yang menghimpunkan sejumlah 180 ekor kuda pada suatu masa di tempat yang sama pada penganjuran acara Putrajaya Horse Show bertempat di Taman Ekuestrian Putrajaya, Presint 5.

Acara disempurnakan oleh Presiden PPj, YBhg. Datuk Dr. Aminuddin Bin Hassim dan turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha Negara, YBhg Tan Sri Dr. Ismail Bin Haji Bakar.

Julung kali diadakan, acara ini diadakan bertujuan untuk mempromosikan Putrajaya sebagai pusat pelancongan sukan dan Taman Ekuestrian Putrajaya sebagai salah satu lokasi sukan berkuda. Di samping itu, acara ini dapat menggalakkan aktiviti gaya hidup sihat di kalangan komuniti Putrajaya dan penggemar sukan berkuda di Malaysia.

Pelbagai aktiviti telah dijadualkan antaranya pertandingan *showjumping* dan *dressage*, pertandingan sukan polo, pertunjukan memanah berkuda serta perbarisan berkuda. Selain itu, aktiviti menunggang kuda *joyride*, menaiki kereta kuda, pameran kuda, sesi lawatan kandang kuda, demonstrasi pemasangan ladam kuda dan terapi berkuda untuk Orang Kelainan Upaya (OKU) turut diadakan untuk pengunjung yang hadir.

Acara ini merupakan salah satu pengisian di dalam Kejohanan Kuda Lasak Piala Presiden 2019 yang akan berlangsung pada 22 Disember 2019 di Taman Wetland Putrajaya. Seramai 75 peserta akan menguji kemahiran, mental dan ketahanan kuda masing-masing melalui trek lasak sepanjang 40 km mengelilingi Wetland Putrajaya. Kejohanan terbahagi kepada 2 kategori iaitu kuda baka arab dan kuda baka lain-lain.

Peserta akan dinilai melalui keadaan fizikal dan kesihatan kuda mereka dan masa tiba di garisan penamat. Juara kejohanan bagi setiap kategori bakal membawa pulang wang tunai RM2,000 beserta piala. Bagi Naib Juara pula akan menerima wang tunai RM1,500 dan tempat ketiga RM1,000.

Untuk maklumat lanjut berhubung Putrajaya Horse Show dan Kejohanan Kuda Lasak Piala Presiden 2019 ini, sila hubungi En. Mohd Fairus Bin Mohd Padzil di talian 03-88877347, 019-3354346 atau e-mel ke alamat [m.fairus@ppj.gov.my](mailto:m.fairus@ppj.gov.my)

**(TENGKU AINA BINTI YTM TENGKU ISMAIL SHAH)**

Pengarah Komunikasi Korporat

b.p. Presiden

Perbadanan Putrajaya

Tarikh: Disember 2019